

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HSM 414 Sejarah Masalah Perburuhan di Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan perubahan-perubahan strategi anasir-anasir komunis yang cuba menggerakkan kaum buruh di Malaya dan Singapura di antara tahun 1920 dan 1940.
2. Semangat nationalisme adalah faktor utama yang mencetuskan pergerakan kaum buruh India di antara 1937 dan 1941. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat ini?
3. Pada tahun 1945 sehingga 1948 pergerakan kaum buruh India adalah jauh lebih militan dan tersusun daripada kaum buruh China. Mengapakah fenomena ini berlaku?
4. Dengan pencetusan mogok militan buruh India pada awal tahun 1947 dasar kerajaan terhadap Kesatuan Sejerja Umum SeMalaya telah berubah daripada pengawalan kepada pengharaman. Mengapakah dasar kerajaan berubah dan bagaimanakah objektif pengharaman dicapai?
5. Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat selepas 1948 telah berjaya mengubah corak pergerakan buruh di Malaya. Bincangkan.

6. Banding dan bezakan Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya (1945-1948) dengan Majlis Kesatuan Sekerja Malaya (Malayan Trades Union Council) yang ditubuhkan pada tahun 50an dari segi kepimpinan, peranan dalam pergerakan buruh di Malaya dan objektif perjuangan.
7. Mengapa Akta Kesatuan Sekerja 1959 dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan?
8. Bincangkan jenis-jenis pertubuhan buruh yang wujud di antara 1945 sehingga 1957.

-ooo000ooo-